

Sikap ibu bapa punca tambang naik

Sinar 22/11/14 BMS 3.

KUALA LUMPUR - Sikap ibu bapa yang tidak kisah dengan kadar tambang bas sekolah merupakan punca sebenar berlaku kenaikan.

Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar berkata, ekoran itu pihaknya tidak boleh mengambil sebarang tindakan.

"Jadi kami sendiri tidak menerima aduan untuk mengambil tindakan. Kalau kita ambil tindakan batalkan lesen pengusaha bas sekolah jadi, bagaimana budak hendak pergi sekolah?" katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Kempen Kesedaran Dan Pematuhan SPAD, ICOP - Keselamatan

untuk pengendali Bas dan Kenderaan Barangan di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), di sini semalam.

Bagaimanapun katanya, jika ada ibu bapa tidak berpuas hati dengan kenaikan tambang bas sekolah, mereka disarankan membuat aduan terus kepada SPAD.

"Kami SPAD sebenarnya mengambil perhatian utama dalam isu ini. Ibu bapa mesti membuat aduan dan menampilkan bukti untuk kami siasat dan ambil tindakan ke mahkamah," kata beliau.

Sehubungan itu katanya, beliau mencadangkan beberapa kaedah bagi mengelakkan tambang bas sekolah dinaikkan.

"Jadi formula yang kita mungkin akan

cadangkan adalah iklan bergerak. Daripada situ pengusaha mendapat pendapatan lebih dan mungkin tidak menaikkan tambang bas sekolah," katanya.

Sebelum ini, Persekutuan Persatuan Bas Sekolah Malaysia (PPBSM) dalam satu kenyataan tetap akan menaikkan surcaj tambang bas sekolah sehingga 40% walaupun SPAD masih belum membuat sebarang keputusan mengenai tambang baru bas sekolah.

Presiden PPBSM, Amali Munif Rahmat berkata, kenaikan itu merupakan satu keperluan setelah kerajaan mengumumkan kenaikan harga diesel sebanyak 20 sen pada September tahun lalu.